

21/09/1997

Haram perdagangan mata wang: Mahathir (HL)

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG: Malaysia mendesak masyarakat kewangan antarabangsa mengharamkan sistem urus niaga tukaran mata wang asing sedia ada kerana amalan itu bertentangan dengan moral kemanusiaan dan tidak produktif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakui saranan beliau kepada dunia itu boleh memberi risiko yang tinggi kepada Malaysia, menegaskan sistem kuno seperti itu mesti dihapuskan demi kesejahteraan dunia sejagat.

"Saya menyatakan semua ini kerana masyarakat dunia mesti dilindungi daripada mereka yang tamak-haloba menyambar keuntungan. Saya tahu saya menanggung risiko apabila membuat cadangan ini tetapi urus niaga seperti itu mesti dihenti dan diharamkan.

"Kita tidak lagi perlu urus niaga pasaran mata wang. Kita hanya perlu membeli mata wang jika mahu membiaya perdagangan tulen. Jika tidak, mata wang tidak harus dijual-beli seperti komoditi," katanya menggambarkan kekecewaan Malaysia dalam ucap tama di seminar hari pertama menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Matawang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), di sini semalam.

Ucapan Perdana Menteri hampir sejam dalam nada bersahaja tetapi penuh sindiran yang jelas menggambarkan kemarahan beliau kepada perlakuan buruk spekulator mata wang dan pasaran saham itu, menjadi tumpuan utama perwakilan yang hadir kali ini.

Dr Mahathir sebelum ini membidas pembiaya kewangan Amerika Syarikat, George Soros yang didakwa terbabit mengaut keuntungan besar menerusi kegiatan spekulasi sehingga meruntuhkan nilai mata wang beberapa negara Asean, baru-baru ini.

Perdana Menteri yang mendapat tempunan gemuruh selepas mengakhiri ucapan bertajuk 'Ekonomi Asia: Cabaran dan Peluang' berkata, urus niaga pasaran tukaran mata wang asing dunia adalah 20 kali ganda lebih besar daripada perdagangan sebenar barangan dan perkhidmatan.

Tegasnya, selain keuntungan berlipat ganda atau pun kerugian besar kepada peniaga yang terbabit, kegiatan itu tidak langsung menggambarkan manfaat yang ketara kepada perdagangan dunia.

"Tidak ada peluang pekerjaan yang besar diwujudkan mahu pun barangan dan perkhidmatan dihasilkan menerusi kegiatan itu yang boleh dikongsi secara bersama oleh penduduk dunia.

"Malah keseluruhan kegiatan itu dibuat secara sulit dan samar-samar kerana ia membabitkan wang yang besar jumlahnya berpindah dari sebuah bank ke sebuah bank lain hanya menggunakan angka," katanya sambil menyindir bahawa secara fizikal untuk memindahkan RM1 bilion dari satu tempat ke tempat lain bukan perkara mudah, sebaliknya mungkin memerlukan satu trak yang besar.

Dr Mahathir berkata, malangnya wang yang dipindahkan itu adalah hasil keuntungan yang 'dirompak' dari negara dan penduduk yang miskin. Negara yang menjadi sasaran itu bukan kerana ia mempunyai wang tetapi tidak mempunyai daya untuk mempertahankan diri.

Perdana Menteri kesal mereka yang terbabit adalah jutawan yang sebenarnya tidak perlu lagi memiliki duit yang banyak. Lebih malang lagi, mereka yang melabur dengan spekulator juga adalah golongan kaya-raya.

Beliau kecewa negara-negara besar menyatakan apa yang berlaku itu perlulah diterima oleh negara miskin kerana ia adalah hakikat dalam kegiatan kewangan antarabangsa, tetapi kata Perdana Menteri:

"Kita pun bukanlah terlalu bijak sehingga menerima sahaja kerugian besar hanya kerana mahu manipulator menjadi kaya-raya."

Perdana Menteri juga kesal kerana amalan sekarang seolah-olah menjadikan spekulator golongan yang sangat berkuasa sehingga dapat menentukan sama ada sesebuah negara boleh menjadi kaya atau miskin.

(END)